



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SURIANI DATO AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

---

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2019**

**3 MAC 2020 (SELASA)  
MAEPS, SERDANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

**YBrs. Encik Tan Chuan Ou,**

Timbalan Ketua Setiausaha

(Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital)

**YBrs. Tuan Haji Mohammad Diah Haji Wahari,**

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan dan Wakil-Wakil Agensi  
KKMM,

Penerima APC yang diraikan,

Hadirin dan hadirat sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada hari. Saya amat berbesar hati untuk sama-sama menyempurnakan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) hari ini bagi meraikan seramai 638 warga Kementerian, Jabatan dan juga Agensi di bawah KKMM yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2019.

2. Penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa pengorbanan dan sumbangan yang telah mereka berikan semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah dihargai dan tidak pernah dilupakan oleh kerajaan. Penjawat awam merupakan agen perantara di antara rakyat dan kerajaan, oleh itu mereka adalah aset penting kerajaan dan perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan.

3. Semoga APC ini akan memberikan motivasi kerja dan impak positif kepada semua warga KKMM dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang dan selaras dengan halatuju Kementerian dan kerajaan.

4. Selain APC, dari segi kemajuan kerjaya, penjawat awam juga dianugerahkan dengan pingat-pingat serta darjah-darjah kebesaran malahan berpeluang dinaikkan pangkat sekiranya telah memenuhi syarat kenaikan pangkat tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Tempoh masa yang lama dalam perkhidmatan bukanlah jaminan seseorang itu perlu dinaikkan pangkat. Zaman *seniority* mendahului dalam proses kenaikan pangkat sudah berlalu. Prestasi, kompetensi, efisiensi dan ilmu itu sentiasa dinilai dalam pelbagai kaedah.

6. Oleh itu, sebagai penjawat awam yang telah dilantik untuk berkhidmat dalam kerajaan, kita harus sedar bahawa kita diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selaras dengan frasa 'Saya yang menjalankan amanah', kita perlu menghayati bahawa setiap perintah, tugas dan tanggungjawab ialah amanah yang perlu digalas sebaiknya. Amanah dalam konteks ini bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberi dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gigih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat ditetapkan.

7. Kementerian amat memerlukan warga kerja yang professional, progresif, kreatif, inovatif, berketerampilan, bijaksana yang holistik untuk bersama-sama menjayakan semua dasar kerajaan.

8. Saya ingin menyeru agar semua warga kerja KKMM untuk terus memberikan perkhidmatan yang efektif, berakauntabiliti, berintegriti, amanah dan progresif seiring dengan kepesatan tranformasi kemajuan teknologi dan era digital kini yang mampan. Marilah kita semua berganding bahu melangkah bersama membina Negara kita Malaysia ke arah masyarakat yang terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital yang aman makmur untuk dinikmati bersama.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Malaysia kini menduduki ranking ke-27 dalam The Global Competitiveness Index edisi 2019, berbanding tempat ke 25 pada tahun 2018. Singapura menduduki tempat pertama manakala Amerika Syarikat menduduki tempat ke dua. Ini bermaksud Malaysia masih lagi terkebelakang dalam penyediaan kecekapan untuk persekitaran perniagaan yang kondusif. Ini juga bermakna kita semua penjawat awam harus bekerja lebih keras lagi untuk memperbaiki kedudukan Malaysia bagi meningkatkan kemasukan pelaburan terus asing (foreign direct investment–FDI) yang seterusnya akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

10. Dalam menghadapi ekosistem pembangunan negara yang semakin mencabar dan kompleks, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan keupayaan berfikir dan membuat keputusan dengan cepat, tepat dan bijaksana. Dengan yang demikian usaha-usaha menimba ilmu harus dipertingkatkan dan diteruskan sepanjang perkhidmatan kita. Ilmu adalah senjata yang membuka pintu pengetahuan yang begitu luas dan menjadikan kita lebih baik dari orang lain.

11. Seperti kata Martin Luther King Jr.:

*“The function of education is to teach one to think intensively and to think critically. Intelligence plus character – that is the goal of true education.”*

Manakala Confucius pula menyebut :

*“By three methods we may learn wisdom: First, by reflection, which is noblest; second, by imitation, which is easiest; and third by experience, which is the bitterest.”*

Jadi janganlah kita berhenti dari menuntut ilmu sehinggalah terpejamnya mata kita dengan abadi.

Dato-Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. 1 Mac 2019, merupakan satu detik bersejarah apabila Perdana Menteri Malaysia ke lapan dilantik. Peralihan tampuk pemerintahan secara aman tanpa berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini, membuktikan kematangan politik rakyat Malaysia. Sebagai penjawat awam, peranan kita sangat penting kerana kita perlu bijak menangani perubahan secara profesional, adil dan saksama serta berintegriti.

13. Selaku anggota perkhidmatan awam, kita harus memegang kuat prinsip taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan yang memerintah.

14. Kedaulatan undang-undang mengandungi prinsip-prinsip bahawa semua orang dan institusi tertakluk dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua bagi memastikan bahwa segala urusan kerajaan adalah berpandukan “RULE OF LAW”. Dalam apa jua tugas yang dilaksanakan, adalah penting saudara-saudari melaksanakannya dengan penuh amanah dan berintegriti, serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan diri sendiri atau kepentingan pihak-pihak tertentu.

## **PENGUNAAN MEDIA SOSIAL**

Saudara dan Saudari,

15. Kemajuan teknologi membolehkan sesiapa sahaja mendapat pelbagai maklumat, sama ada yang betul atau palsu, dengan mudah dan cepat. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan, media sosial khususnya seperti Whatsapp, Twitter, Instagram dan Facebook menjadi medium penting yang telah banyak mempengaruhi reaksi masyarakat terhadap dasar-dasar dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan. Penjawat awam pula tidak terlepas daripada menjadi sasaran tohmahan dan kritikan rakyat. Dalam pada masa yang sama, ada juga penjawat awam sendiri yang menggunakan media sosial untuk melontarkan sindiran serta kecaman. Suka saya mengingatkan mengenai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1 993 [p. U(A)395/1 993] berhubung dengan tegahan membuat pernyataan awam iaitu (saya ringkaskan) pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan Kerajaan atau membuat ulasan mengenai apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain. Oleh itu gunalah media sosial secara bijak untuk pembangunan minda dan nilai-nilai yang baik, bukannya untuk menyebarkan elemen-elemen negatif yang menyinggung perasaan orang lain dan bersikap keanak-anakan.

16. Pegawai awam harus memelihara integriti sepanjang masa dan sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan hasil kerja ke arah yang lebih baik dan melangkaui kebiasaan. Perkara ini hanya akan tercapai sekiranya pegawai awam dapat memberi fokus atau tumpuan sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Penggunaan media sosial dengan emosi tanpa batasan dan kawalan hanya menimbulkan implikasi negatif kerana secara tidak langsung ia akan mengurangkan tumpuan pegawai terhadap tugas hakiki yang dipertanggungjawabkan. Justeru itu, kita hendaklah melaksanakan tugas dan

tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur, telus dan ikhlas serta dengan penuh integriti.

## **MANUSIA SEBAGAI KHALIFAH**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Izinkan saya menggunakan sedikit falsafah Islam supaya kita sama-sama dapat menghayati kebertanggungjawaban dan merasionalisasikan keberadaan kita di muka bumi ini.

18. Allah SWT menciptakan manusia agar dapat menjadi khalifah di muka bumi ini. Yang dimaksud dengan khalifah ialah bahwa manusia diciptakan untuk menjadi penguasa yang mengatur apa-apa yang ada di bumi, seperti tumbuhannya, haiwannya, hutannya, airnya, sungainya, gunungnya, laut dan kandungannya, dan dengan yang demikian manusia harus mampu memanfaatkan segala apa yang ada di bumi untuk kemaslahatannya.

19. Sekarang mari kita lihat konsep Khalifah ini dari perspektif yang lebih luas dan bukan lagi dari kacamata Islam. Tugas serta tanggungjawab khalifah sesungguhnya amat besar. Tugas ini sangat penting untuk dilaksanakan bagi menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Apakah tanggungjawab itu? Ianya ialah tanggungjawab terhadap diri, tanggungjawab terhadap keluarga, tanggungjawab anak kepada ibubapa, tanggungjawab terhadap masyarakat, tanggungjawab terhadap alam dan tanggungjawab terhadap negara.

20. Tanggungjawab adalah amanah yang dipikul oleh seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas. Setiap amanah daripada sekecil-kecil hingga yang sebesar-besar, akan dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat. Manusia tidak boleh hidup bersendirian tanpa wujudnya anggota masyarakat yang lain. Adalah

menjadi tanggungjawab kita yang menumpang di muka bumi ini untuk saling tolong-menolong, saling kasih-mengasihi dan saling hormat-menghormati.

21. Kesimpulannya, setiap manusia mempunyai tanggungjawab yang tertentu yang mesti ditunaikan untuk memperolehi kedamaian hidup, dunia dan akhirat. Walau di mana mereka berada dan di zaman manapun mereka hidup, mereka tidak boleh lari dari tanggungjawab tersebut.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari yang amat bermakna ini, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua penerima APC pada kali ini. Semoga momentum kejayaan dan kecemerlangan ini dapat dikekalkan pada masa akan datang. Jadilah khalifah dan marilah sama-sama berganding bahu membawa negara ke arah pembangunan yang maju dan kepimpinan yang telus, cekap, berintegriti dan bersih.

Sekian, terima kasih.